



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**13 JANUARI 2019 (AHAD)**

<b>AKHBAR</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Sinar Harian</b>	
- Edar papan tanda larang merokok	22
<b>Harian Metro</b>	
- Jadikan amalan selenggara jejantas budaya kerja	24



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>13 JANUARI 2019 (AHAD)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Edar papan tanda larang merokok
Muka Surat	22

## Edar papan tanda larang merokok

SH 13/1/19 Ms 22.

**Adun taja papan tanda kepada pemilik premis**

AHMAD ISMADI ISMAIL

TERATAI

**A**dun Teratai Bryan Lai Wai Chong mengambil inisiatif menaja 500 papan tanda larangan merokok yang mengikut spesifikasi untuk didedarkan kepada pemilik premis dalam Dun itu.

Bryan Lai berkata, pusat khidmatnya menerima pelbagai aduan daripada

pengusaha makanan kerana kesukaran mendapatkan papan tanda larangan merokok.

"Antara isu yang kerap dibangkitkan adalah keperluan penyediaan papan tanda tersebut yang mengikut spesifikasi oleh Kementerian Kesihatan.

"Saya dimaklumkan pemilik premis pula boleh dikenakan kompaun sekiranya tidak meletakkan tanda larangan merokok. Ada segelintir pengusaha terpaksa mencetak menggunakan kertas sendiri untuk tanda larangan merokok," katanya.

Beliau mengakui gembira apabila suasana kedai makan dan restoran

lebih bersih dan udara segar.

"Tiada lagi tempat abu rokok dan puntung rokok kelihatan di atas meja mahu pun di lantai restoran. Secara tidak langsung usaha kerajaan untuk menjadikan persekitaran lebih sihat akan berjaya setelah mendapat sokongan rakyat secara majoriti," katanya.

Menurutnya, sebagai pembuat dasar, beliau akan mengkaji keperluan mewujudkan kawasan kebenaran merokok dan sekiranya tiada halangan undang-undang.

"Saya akan menggunakan peruntukan bagi membina dan mewujudkan kawasan merokok di tempat terpilih," katanya.



Bryan Lai (tiga, kanan) menyampaikan papan tanda larangan merokok kepada pemilik premis di Dun Teratai, semalam.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>13 JANUARI 2019 (AHAD)</b>	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Jadikan amalan selenggara jejantas budaya kerja
Muka Surat	24

**Kuala Lumpur:** Pihak berkuasa tempatan (PBT) di semua negeri diminta menjadikan amalan penyelenggaraan jejantas sebagai budaya kerja bagi mengelakkan kejadian tidak diinginkan termasuk kematian kepada penggunanya.

Pengerusi Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) Tan Sri Lee Lam Thye berkata, sewajarnya PBT harus bersikap sedemikian tanpa diingatkan dan tidak mengabaikan keselamatan orang awam.

"Saya harap apa yang berlaku ini menjadi pengajaran kepada semua PBT lain di seluruh negara. Belum ada budaya penyelenggaraan je-

## Jadikan amalan selenggara jejantas budaya kerja

HM 13/1/19 MJS 24.

jantas di negara ini.

"Budaya keselamatan ini masih dianggap remeh-temeh. Risiko ini boleh terjadi kepada semua pihak tidak kira bangsa sama ada rakyat sendiri atau asing.

"Apabila ada isu seperti ini membuatkan ramai bimbang mahu menggunakan jejantas," katanya, semalam.

Terdahulu, seorang lelaki warga Nepal terjatuh dari ketinggian lebih enam meter apabila besi penghadang jejantas patah ketika mangsa melalui jejantas berkenaan.